

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM SERAH 3,190 PPE DAN BANTUAN KEWANGAN HAMPIR RM73 RIBU KEPADA USAHAWAN B40 DI EMPAT BUAH NEGERI**

**KUALA LUMPUR, AHAD, [14 Jun 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") melalui cabang tanggungjawab korporatnya, AMAL, telah menyumbangkan sebanyak 3,190 set kelengkapan perlindungan diri ("PPE") untuk kegunaan petugas kesihatan yang mengendalikan pesakit COVID-19 di beberapa buah hospital di Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Walaupun Malaysia kini sudah hampir berjaya mengurangkan kes jangkitan baharu COVID-19, tetapi kita masih belum menang, justeru, Bank Islam akan terus giat memainkan peranan dalam membantu memerangi pandemik COVID-19 ini."

"Bagi memastikan jumlah set PPE mencukupi untuk kegunaan petugas kesihatan di barisan hadapan, kami telah memperuntukkan dana khusus berjumlah hampir RM100 ribu untuk aktiviti penghasilan PPE dengan kerjasama penghuni Penjara Penor, Pahang dan Penjara Wanita Kajang, Selangor. Mereka telah menyumbang tenaga dan kemahiran dalam menyiapkan jumlah PPE tersebut. Dianggarkan lebih 5,000 set PPE dihasilkan oleh penghuni-penghuni Penjara Penor dan Penjara Wanita Kajang di bawah inisiatif AMAL Prihatin Covid-19. Tidak lupa juga, kami turut menyantuni usahawan mikro terpilih yang terjejas bagi membolehkan perniagaan mereka kembali pulih seperti biasa." ujar Mohd Muazzam.

Bank Islam telah memberi bantuan kewangan sejumlah RM72,750 kepada 291 usahawan mikro terpilih daripada golongan berpendapatan rendah (B40) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ("JKM") Negeri Sembilan dan Melaka serta Majlis Agama Islam Negeri Johor ("MAIJ").

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	--